

**Najib Hadir Majlis Bacaan Yaasin Dan Doa Selamat Sempena Maal Hijrah 1434
Bernama
14 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak Rabu malam menyertai majlis bacaan Yasin dan doa selamat di Masjid Negara di sini sempena sambutan Maal Hijrah 1434 esok.

Turut hadir bekas perdana menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, Ketua Polis Negara Tan Sri Ismail Omar serta beberapa perwakilan asing.

Kira-kira 4,000 umat Islam turut menghadiri majlis itu.

Majlis itu, yang dipimpin imam Masjid Negara Ustaz Ehsan Mohd Hosni, dimulakan dengan bacaan doa akhir tahun 1433 Hijrah dan doa awal tahun 1434 Hijrah, sebelum diteruskan dengan solat Maghrib dan diikuti bacaan yasin, tahlil, doa selamat dan solat Isyak secara berjamaah.

Terdahulu, para hadirin mengikuti forum agama bertajuk "Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah" yang disiarkan secara langsung menerusi RTM1.

Forum itu dipengerusikan Pegawai Khas Ketua Pengarah Jakim Zakaria Othman dan dua anggota panel iaitu bekas Penolong Pengarah Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Pahang (Jaip) Badlishah Alaudin dan pendakwah bebas Mohd Kazim Elias Al-Hafiz.

Sambutan Maal Hijrah 1434 bertema 'Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah' peringkat kebangsaan akan berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya esok.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dijadual berangkat merasmikan majlis itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=709240>